

SOALAN NO: 223

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH: -

SOALAN:

TUAN M. KULASEGARAN [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:

- (a) kenapa pekerja asing diutamakan dan dibenarkan untuk diupah sedangkan pekerja tempatan dinafikan daripada bekerja; dan
- (b) apakah cadangan atau revisi Kerajaan terhadap Akta Pekerjaan dan Akta yang berkenaan supaya hak pekerja dapat dilindungi dan diperkukuhkan .

PR-1341-T71839

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan komited untuk memastikan keutamaan pekerjaan diberi kepada rakyat tempatan dan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja tempatan ditawarkan peluang-peluang pekerjaan terlebih dahulu di dalam semua sektor pekerjaan. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.

2. Selain itu, Kerajaan turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* sebelum dikeluarkan Sijil Perakuan Pengesahan Majikan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan pekerjaan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan.

3. Selain itu, penggajian pekerja asing hanya diluluskan kepada lima (5) sektor formal iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (subsektor tukang masak restoran, pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa, refleksologi, kedi (lelaki) dan pembantu taman tema) yang melibatkan jawatan pekerja am dan satu sektor informal iaitu pekhidmat domestik yang kurang diminati oleh rakyat tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

4. Secara dasarnya, Akta Kerja 1955 adalah undang-undang buruh utama yang mengawal hubungan antara majikan dan pekerja di sektor swasta. Ia mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak pekerja dan standard-standard minimum penggajian. Objektif utama Akta ini adalah untuk memberi perlindungan asas kepada pekerja-pekerja khususnya yang tidak berkesatuan dan kurang berkeupayaan untuk berunding dengan pihak majikan bagi mendapatkan terma dan syarat pekerjaan yang lebih baik, serta memperoleh hak-hak yang sentiasa dilindungi dan diperkukuh.

5. Sejak mula dikuatkuasakan pada tahun 1957, Akta ini telah melalui 11 kali pindaan mengikut perubahan dan keperluan semasa. Akta ini dicadangkan untuk dipinda sekali lagi bagi memenuhi perubahan semasa terutamanya dalam menyediakan suasana perburuhan yang lebih kondusif. Pindaan secara holistik sedang dibuat dengan mengambilkira pandangan dari semua sudut bagi memastikan hak-hak pekerja sentiasa dilindungi dan diberi perhatian. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa melihat perkembangan semasa dan membuat inisiatif untuk meminda Akta berdasarkan perubahan persekitaran dan peredaran masa.

6. KSM sentiasa terbuka untuk menerima cadangan dan pandangan dari orang ramai bagi menambahbaik undang-undang perburuhan negara ini. Justeru itu, KSM sentiasa mengadakan perbincangan dengan *stakeholder* seperti persatuan majikan dan

kesatuan sekerja dalam perkara ini. Dalam masa yang sama, pandangan semua pihak dialu-alukan dalam merangka draf cadangan pindaan di masa hadapan terutamanya dalam menjaga kebajikan pekerja dan kepentingan majikan.

7. Pada masa ini, KSM masih dalam proses mengkaji dan menyemak semula undang-undang perburuhan agar bersesuaian dengan kehendak semasa. Bagi tujuan ini, perbincangan bersama wakil majikan dan pekerja turut diadakan bagi mendapatkan pandangan dan maklumbalas untuk menyelaraskan undang-undang perburuhan supaya lebih jelas, komprehensif dan menyeluruh.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT] (PKR)**

SOALAN : 224

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelajar tajaan MARA yang belajar di luar negara dan kursus masing-masing. Sila berikan pecahan dengan mengikut kaum dan nyatakan negara mereka belajar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, penajaan pelajar ke luar negara adalah di bawah program Skim Pelajar Cemerlang merangkumi pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan pasaran semasa yang memerlukan modal insan yang profesional dan *global oriented*.

Pada tahun 2016, setakat Februari, MARA telah menawarkan kemudahan pinjaman pelajaran kepada 8,000 orang pelajar sedia ada di negara-negara seperti United Kingdom, Jepun, USA, Jerman dan lain-lain. Bidang keutamaan bagi pelajar-pelajar ini adalah Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.